

05 AUG 2003

DR MAHATHIR BUAT LAWATAN SEHARI KE SABAH JUMAAT INI

KOTA KINABALU, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan sehari ke Sabah Jumaat ini.

Ketua Menteri Datuk Musa Aman berkata sempena lawatan itu Dr Mahathir dijadual merasmikan mesyuarat agung ke sembilan parti Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO).

Beliau dijangka tiba di sini pada pukul 10.30 pagi dan akan diberikan taklimat mengenai perkembangan di Sabah oleh Musa sebelum bersolat Jumaat.

Dr Mahathir kemudian akan menghadiri jamuan tengah hari bersama para pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan jemaah menteri Sabah sebelum merasmikan mesyuarat agung UPKO pada sebelah petang di Pusat Kebudayaan Sabah di Penampang, katanya kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sekembalinya dari Kuala Lumpur hari ini.

Musa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah mengetuai satu rombongan Umno negeri menghadiri mesyuarat dengan Badan Pengurusan Umno yang dipengerusikan Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kuala Lumpur malam tadi.

Musa berkata Perdana Menteri dijadual kembali ke Kuala Lumpur selepas majlis perasmian mesyuarat agung UPKO itu.

-- BERNAMA

MK RON